

Privasi

Aplikasi MyPhIS (selepas ini dirujuk sebagai "Aplikasi"), ialah sistem maklumat farmasi bersepadu yang dibangunkan untuk menyokong operasi dan pengurusan farmasi di fasiliti kesihatan KKM seperti Hospital, Klinik Kesihatan dan Pejabat Kesihatan Daerah (selepas ini dirujuk sebagai "fasiliti kesihatan"). Ia sebahagian daripada inisiatif kesihatan digital negara untuk meningkatkan kecekapan dan ketepatan dalam penyampaian perkhidmatan farmasi.

MyPhIS dimiliki dan dikendalikan oleh Kerajaan Malaysia. Aplikasi tersebut ditadbir oleh Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kerajaan memastikan bahawa maklumat peribadi yang dikumpulkan adalah selari dengan peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

Maklumat Peribadi

Aplikasi ini akan merekodkan Data Peribadi pesakit yang telah berdaftar di fasiliti kesihatan untuk tujuan mendapatkan rawatan. Maklumat yang dikemukakan digunakan semata-mata untuk tujuan perkhidmatan farmasi di fasiliti kesihatan. Maklumat ini tidak akan dikongsi dengan mana-mana organisasi lain bagi tujuan selain daripada yang dinyatakan secara khusus.

Maklumat Yang Dikumpul

- Aplikasi ini hanya akan mengumpulkan data yang diperlukan untuk tujuan rawatan kesihatan melalui proses pendaftaran di fasiliti kesihatan. Data tersebut digunakan bagi membolehkan pemberian, pengesahan serta pemantauan penerimaan ubat-ubatan melalui Aplikasi
- Data diperolehi secara manual semasa proses pendaftaran pesakit di fasiliti kesihatan, dan seterusnya melalui maklumat preskripsi serta rekod pemberian ubat-ubatan kepada pesakit
- Aplikasi ini mengumpul Data Peribadi daripada pesakit atau maklumat yang berkaitan dengan pesakit berdasarkan tujuan penggunaan, bergantung kepada fungsi atau modul Aplikasi yang digunakan. Data Peribadi yang lazimnya dikumpul adalah seperti berikut:
 - a. Pendaftaran pesakit di fasiliti kesihatan
 - i. Nama pesakit
 - ii. Nombor kad pengenalan/Pasport
 - iii. Nombor telefon
 - iv. Tarikh lahir
 - v. Nama fasiliti kesihatan
 - vi. Nombor MRN (medical record number)
 - vii. Alamat rumah

- viii. Tarikh jumpa doktor akan datang
- ix. Alamat e-mel
- b. Maklumat pengubatan pesakit
 - i. Maklumat ubat yang dipreskrib oleh pegawai perubatan
 - ii. Maklumat pendispensan ubat-ubatan
 - iii. Maklumat klinikal pesakit

Tujuan pengumpulan data adalah seperti berikut:

- Penyediaan dan pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit
- Berkomunikasi dengan pesakit sekiranya terdapat maklumat yang memerlukan pengesahan lanjut.
- Memberi maklum balas kepada pesakit berhubung sebarang komen atau pertanyaan.

Data peribadi yang dikumpul tidak akan digunakan untuk apa-apa tujuan selain daripada yang disebutkan di atas.

Data peribadi yang dikumpulkan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga atau dipindahkan ke tempat di luar Malaysia untuk tujuan komersil.

Kesan Jika Data Peribadi Tidak Dibenarkan

Sekiranya Data Peribadi yang dibekalkan tidak mencukupi ataupun tidak memuaskan, maka proses pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit untuk tujuan rawatan pesakit akan terjejas.

Kerahsiaan

Data Peribadi yang dikumpul oleh Aplikasi akan disimpan dengan sulit menurut Dasar Privasi ini selaras dengan sebarang undang-undang yang berkenaan yang mungkin berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Keselamatan Data

Aplikasi ini menerapkan ciri keselamatan yang mematuhi piawaian global untuk melindungi kerahsiaan dan keselamatan maklumat pesakit. Data *in transit* disulitkan dan data *at rest* disimpan dalam pelayan dengan ciri keselamatan yang tinggi.

Hak Anda

Menjadi keutamaan kami untuk memastikan data peribadi dan kesihatan anda disimpan dengan tepat dan terkini. Anda mempunyai hak penuh untuk mengakses rekod ini. Jika maklumat anda tidak tepat atau memerlukan perubahan, sila hubungi kami agar kami dapat mengemas kini rekod anda.

Perubahan kepada Dasar Privasi

Sekiranya dasar privasi ini dipinda, pindaan tersebut akan dikemas kini di halaman ini.

Untuk pertanyaan lain, sila e-mel kepada [phis.cps\[at\]moh.gov.my](mailto:phis.cps[at]moh.gov.my).

Tarikh kemas kini: 1 April 2026.

Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia

Hakcipta terpelihara, 2026.